

Bahasa Melayu - Tahun 4

Kemahiran Membaca

SK : 2.3 Membaca dan mengapresiasi karya sastra dan bukan sastra.

SP : 2.3.2 Membaca karya sastra, dan karya bukan sastra dengan gaya penyampaian yang sesuai.

ARAHAN:

1. Murid perlu membaca petikan dengan intonasi dan gaya penyampaian yang betul.
2. Murid dikehendaki melengkapkan sajak dan mendeklamasikannya dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Kuih Bulan Yaya

Jimi, kawan Zara, sedang membaca cerpen di ruang tamu rumahnya.

Yaya melepaskan nafas lega. Perbincangannya dengan pihak hotel telah membuahkan hasil. Walaupun kepenatan, beliau tetap ke pejabat. Semangatnya kian berkobar-kobar setelah salah sebuah hotel di Kuala Lumpur memintanya membekalkan kuih bulan kepada hotel tersebut.

Yaya teringat akan kenangan lima tahun yang lalu, permulaan kejayaannya pada hari ini.

"Yaya, tolonglah buat kakak kuih bulan. Bukan kakak tidak mahu membelinya di kedai, tetapi kakak mahu merasa kuih bulan daripada air tangan Yaya," rayu Shima, kakak Yaya.

"Baiklah, kak. Yaya akan cuba membuatnya. Yaya akan membuat kuih bulan yang paling sedap untuk kakak," kata Yaya kepada kakaknya sambil tersenyum.

Yaya memutarakan rim kerusi rodanya perlahan-lahan. Dia menuju ke bilik lalu membuka komputer riba. Yaya menghubungi rakannya dari negara China. Rakannya mengajar Yaya cara-cara membuat kuih bulan.





Tahniah, Yaya. Kuih bulan Yaya semakin diminati.

Setelah membeli semua bahan yang diperlukan, Yaya mula membuat kuih bulan berpandukan resipi yang diberikan oleh rakannya itu. Setelah siap, Yaya menghidangkan kuih bulan tersebut kepada kakaknya yang sedang sarat mengandung.

"Wah, sedaplah kuih bulan ini! Terima kasih, Yaya. Pandai Yaya membuatnya. Nanti kakak akan memuat naik gambar kuih bulan ini ke laman sosial. Kakak hendak tunjukkannya kepada rakan-rakan kakak," kata Shima kepada Yaya.

Pada keesokan harinya, rakan-rakan kakaknya datang ke rumah. Sekali lagi Yaya menghidangkan kuih bulan kepada tetamunya. Yaya berasa bangga setelah dipuji oleh mereka. Sebelum pulang, beberapa orang tetamunya telah menempah kuih bulan daripadanya.

Dari situlah, perusahaan kuih bulan miliknya bermula. Tidak lama kemudian, kuih bulan buatannya tular di media sosial. Akhirnya, perusahaannya mula berkembang dan mempunyai beberapa buah cawangan kedai menjual kuih bulan. Kini, kuih bulan buatan Yaya semakin popular. Kuih bulan tersebut boleh dibeli secara dalam talian di kuih-muih.com.my.



Aktiviti

Membaca cerita dengan gaya penyampaian yang sesuai.

Lengkapkan sajak di bawah dan deklamasikan dengan intonasi yang betul.

Kuih bulan,
Sajian istimewa membawa perubahan,
Kekuranganku bukan _____,
_____ membuahkan kejayaan.

Tular

kejauhan

Berkat ilmu dari _____,
Keenakan dirasakan setiap insan,
_____ di media sosial,
Menjadi igauan setiap pemakan,
Terus menapak ke puncak kejayaan.

halangan

Usahaku